



AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



PAKEJ BANTUAN PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT MALAYSIA (PERMAI) RM500 UNTUK PEMANDU BAS PERSIARAN

<http://permai2021.apad.gov.my>

permai.baspersiaran@apad.gov.my 03-26036600

KRITERIA KELAYAKAN

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Pemandu berstatus lantikan tetap oleh syarikat serta mempunyai caruman PERKESO
- iii. Pemandu memiliki Lesen Vokasional (PSV) yang masih sah atau Lesen E yang sah atau lesen memandu lain yang berkenaan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
- iv. Pemandu bekerja dengan syarikat yang memiliki Lesen TOBTAB yang masih dalam tempoh sahlaku dengan MOTAC pada 13 Januari 2021 serta mempunyai lesen kenderaan daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)





AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



PAKEJ BANTUAN PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT MALAYSIA (PERMAI) RM500 UNTUK PEMANDU BAS PERSIARAN

SOALAN LAZIM

SOALAN 01

Saya adalah penerima bantuan PRIHATIN tahun 2020, adakah saya masih layak untuk kali ini ? Bagaimana saya perlu memohon

Ya, anda adalah LAYAK, selagi mana anda memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan dan tidak perlu membuat permohonan baharu. Pembayaran akan dibuat kepada pemandu yang memenuhi kriteria secara auto-kredit ke dalam akaun bank anda **bermula 22 Februari 2021**



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)





AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



SOALAN 02

Saya bukan penerima Bantuan PRIHATIN 2020 sebelum ini, bolehkah saya memohon Bantuan PERMAI ini dan bagaimana cara bayaran dibuat?

Bagi pemandu yang bukan penerima Bantuan PRIHATIN 2020 namun telah memenuhi kriteria kelayakan pada kali ini, boleh memohon dengan cara, mengarahkan syarikat pengendali untuk mendaftarkan nama mereka ke laman web <http://permai2021.apad.gov.my> bermula 19 Februari 2021. Pembayaran akan dibuat kepada pemandu yang layak secara auto-kredit ke dalam akaun bank masing-masing setelah proses saringan selesai.

SOALAN 03

Bagaimanakah cara syarikat mengisi maklumat yang diperlukan? Bolehkah pemandu mengisi sendiri maklumat?

Pemandu tidak boleh mengisi maklumat sendiri. Hanya wakil majikan syarikat pengendali bus per-siaran perlu melayari portal web <http://permai2021.apad.gov.my> untuk mengisi butiran syarikat serta butiran pemandu bus masing-masing termasuk nombor akaun bank pemandu.



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)





AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



SOALAN 04

Berapa lamakah masa yang diberi kepada syarikat untuk mengisi maklumat yang diperlukan?

Wakil majikan perlu mengisi dan menghantar maklumat ke portal tersebut dalam tempoh 14 hari bermula 19 Februari 2021 sehingga 4 Mac 2021. Portal boleh diakses 24 jam setiap hari.

SOALAN 05

Adakah semua syarikat bas pelancongan boleh mengakses portal tersebut?

Hanya syarikat pengendali bas persiaran yang memiliki Lesen TOBTAB dan masih dalam tempoh sahlaku dengan MOTAC pada 13 Januari 2021 serta mempunyai lesen kenderaan daripada APAD, boleh mengakses portal dengan mengisi nombor pendaftaran SSM syarikat.



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)





AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



SOALAN 06

Adakah semua pemandu yang diisi oleh syarikat di dalam portal akan mendapat bantuan secara automatik?

Tidak, senarai pemandu akan disaring untuk memastikan kesemua kriteria kelayakan yang ditetapkan dipatuhi.

SOALAN 07

Bilakah pemandu bas pelancongan akan menerima Bantuan PERMAI 2021 ini?

Pembayaran kepada pemandu yang merupakan penerima Bantuan PRIHATIN 2020 akan dibuat secara auto-kredit ke dalam akaun bank pemandu yang layak **bermula 22 Februari 2021**. Bagi pemandu yang baru mendaftar akaun bank pada tahun ini, pembayaran akan dibuat secara auto-kredit setelah proses saringan kelayakan diselesaikan dijangka bermula 23 Mac 2021.



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)





AGENCI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



SOALAN 08

Sekiranya saya pemandu bas persiaran yang tidak bekerja dengan mana-mana syarikat pelancongan, adakah saya layak?

Tidak, hanya pemandu bas yang bekerja secara lantikan tetap serta mempunyai caruman PERKESO dengan syarikat yang berdaftar adalah layak.

SOALAN 09

Saya bekerja sebagai pemandu van persiaran tetapi tiada mempunyai Lesen E, adakah saya layak?

Sekiranya pemandu mempunyai lesen memandu yang sah serta memenuhi kriteria lain yang ditetapkan maka anda adalah layak.



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)

